



Ruj : (04/15)JPB/321-2/14

1hb Jun 2015

Pengguna-Pengguna Pelabuhan Dan Ahli-Ahli Persatuan Pelabuhan (JPSFA, JOFFA, AMH, SAM, FMM)

Tuan/Puan

**CAJ AM (GENERAL CHARGES) DI TERMINAL KONTENA, PELABUHAN JOHOR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas dan notis Lembaga Pelabuhan Johor rujukan LPJ/IP/OPS/24JLD2(38) bertarikh 16hb April 2015 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Caj Am bagi kargo kontena yang ditangguhkan pelaksanaannya pada 1hb Mei 2015 akan mula dilaksanakan pada 1hb Julai 2015 dengan kadar RM8.00 (Ringgit Malaysia : Lapan sahaja) bagi setiap kontena import dan eksport.

3. Seterusnya dimaklumkan juga bahawa, kearah memastikan mutu perkhidmatan sentiasa menjadi keutamaan, langkah-langkah khusus secara berterusan telah dan sedang diambil oleh pihak JPB di Terminal Kontena sepertimana progres berikut :-

- i) Penambahan dua (2) unit *Quay Crane* (QC) yang telah mula beroperasi sejak Oktober 2014;
- ii) Penambahan dua (2) unit *Rubber Tyred Gantry Crane* (RTG) baru yang telah mula beroperasi pada bulan April 2015;
- iii) Penambahan empat (4) unit RTG baru yang dijangka bakal diterima pada awal tahun 2016;
- iv) Pelaksanaan "*Effective Checkpoint System*" yang merangkumi "*paperless CDN*" dan "*auto gate-in/gate-out*" yang dijangka akan mula beroperasi pada bulan September 2015;
- v) Pembelian dua (2) unit *Laden Stacker* pada akhir tahun 2015 bagi membantu meningkatkan kelancaran operasi keretapi;

- vi) Pembaikan jalan utama ke Terminal Kontena akan dilaksanakan dibawah perbelanjaan JPB dari semasa ke semasa;
- vii) Penambahbaik kawasan lapangan kontena dimana kerja-kerja pemulihan tapak lapangan sedang giat dijalankan dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2015.


4. Disamping itu, pihak JPB juga telah mempersetujui bersama Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) penanda aras prestasi (KPI) seperti berikut :

- i) Kendalian pusingan lori import & eksport (*Average Truck Turn Time*) pada kadar purata 45 minit;
- ii) Kendalian kontena sejuk-beku (*Average Reefer Drop-off & pick-up*) pada kadar purata 30 minit;
- iii) Kendalian pusingan lori kontena dua unit kontena dua puluh kaki (*back to back*) pada kadar purata 90 minit.

Sejajar dengan usaha-usaha penambahbaikkan diatas, pihak kami percaya bahawa langkah-langkah yang telah dan sedang diambil diyakini memberi impak positif dalam memenuhi permintaan pengguna pelabuhan.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

Yang benar  
**JOHOR PORT BERHAD**



**SHAHRULL ALLAM SHAH BIN ABDUL HALIM**  
Ketua Pegawai Eksekutif